PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

IPTA tidak perlu taksub kejar penarafan – KPT



Wujud percanggahan dan tidak ketelusan terhadap penanda aras

Kejar ranking universiti sudah tidak relevan

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Semua universiti tidak boleh terlalu taksub mengejar QS World University Rankings atau penarafan universiti antarabangsa kerana pendekatan tersebut sudah tidak relevan ekoran timbul percanggahan dan ketidaktelusan terhadap penanda aras digunakan.

Ini kerana Institut Antarabangsa Berkaitan Global Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU) pernah membangkitkan soal ketelusan kaedah dan kualiti data digunakan QS ketika membuat penarafan sesebuah universiti.

Lebih membimbangkan, penarafan tersebut dilakukan oleh sebuah badan swasta bersifat komersial, bukan ilmiah dan bebas sekali gus seolah-olah menunjukkan pendidikan adalah barang dagangan yang mudah dijual beli

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Dzulkifli Abdul Razak berkata, wujud percanggahan antara ranking dikeluarkan QS dengan badan bebas UNU dari segi soal ketelusan kaedah penarafan dan kualiti data.

Katanya, malah, wujud konflik kepentingan terhadap aktiviti penarafan yang dilakukan pihak bukan ilmiah berkenaan dengan UNU.

Bersambung di muka 2

- Oleh ROSMIZAN RESDI
- 20 November 2023, 8:15 am

KOTA BHARU: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengingatkan semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) supaya tidak terlalu taksub dalam mengejar kedudukan atau ranking universiti terbaik peringkat antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ketaksuban itu dilihat boleh menimbulkan persaingan sehingga menyebabkan masing-masing tidak mahu berkongsi kepakaran serta penemuan baharu.

Menurutnya, penentuan kedudukan sesebuah IPTA tidak dijadikan sebagai ukuran memandangkan semua universiti diwujudkan dengan tujuan dan matlamat yang berbeza.

“Kita (IPTA) tidak perlu beri penekanan kepada ranking (penarafan) dan tidak perlu taksub sebab kita ingat sudah ada banyak kenyataan dan penulisan mengenai ranking dan banyak juga badan antarabangsa yang melahirkan kebimbangan supaya kita tidak terima ranking ini bulat-bulat.

“Ia (kedudukan) tidak boleh mengukur secara umum semua universiti kerana setiap universiti diwujudkan untuk tujuan dan matlamat berbeza kerana ukuran yang digunakan antaranya ada yang lebih sesuai untuk negara maju.

“Ada (kedudukan) tidak sesuai untuk IPTA di banyak negara lain,” katanya pada pemberita selepas Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di Dewan Utama, Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, di sini semalam.

Mohamed Khaled memberitahu, ranking hanya boleh digunakan untuk lihat di mana kedudukan dan bukannya dijadikan sebagai asas sebuah universiti itu baik, cemerlang atau tidak.

Katanya, antara aspek utama yang ditekankan dalam sistem pendidikan tinggi adalah kerjasama bersepadu dalam perkongsian sumber dan kepakaran serta bergerak secara strategik bagi membangunkan kepakaran yang ada.

Media sebelum ini melaporkan, semua universiti tidak boleh terlalu taksub mengejar ranking QS World University Rankings atau penarafan universiti antarabangsa kerana pendekatan itu tidak relevan apabila timbul percanggahan dan ketelusan terhadap penanda aras digunakan.

Ini kerana Institut Antarabangsa Berkaitan Global Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU) pernah membangkitkan soal ketelusan kaedah dan kualiti data digunakan QS ketika membuat penarafan sesebuah universiti.

Dalam perkembangan lain Mohamed Khaled berkata, hospital pengajar adalah sesuatu elemen penting dalam sistem pendidikan tinggi negara terutamanya membabitkan IPTA yang terlibat dalam bidang perubatan.

“Setakat ini, sebanyak lapan universiti sudah mempunyai hospital pengajarnya termasuk HUSM antara yang terawal. Menerusi hospital pengajar, kita menekankan tiga aspek iaitu menyediakan rawatan, penyelidikan serta kajian,” katanya. – UTUSAN